



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**KEADILAN DIJULANG, KEBERKATAN DITATANG**

**Tarikh Dibaca:**

**28 REJAB 1445H /  
9 FEBRUARI 2024**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إِذْقَةُ كَمَالِجَانِ إِسْلَامِ مَلِيسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## Keadilan Dijulang, Keberkatan Ditatang

9 FEBRUARI 2024 / 28 REJAB 1445H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْ أَحْكُمَ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَأَحْذَرُهُمْ أَنْ يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ

اللَّهُ إِلَيْكَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَاعْلَمُوا أَنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُصِيبَهُمْ بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ وَإِنَّ كَثِيرًا مِنَ النَّاسِ

لَفَاسِقُونَ، (سورة المائدة)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Pada hari ini khatib ingin membicarakan khutbah bertajuk: **“Keadilan Dijulang, Keberkatan Ditatang”**.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan seluruh umat Islam untuk terus mendoakan penduduk Palestin yang kini teruk ditindas oleh rejim zionis Israel. Bukan hanya kemusnahan harta benda, kehilangan nyawa orang awam terutamanya wanita dan kanak-kanak, bahkan mereka kini diancam kebuluran kerana kekurangan bekalan makanan dan sebagainya. Maka teruslah bermunajat kepada Allah SWT memohon pertolongan buat mereka dan janganlah lupakan mereka. Semoga mereka semua diberi kekuatan, kesabaran, dan kemenangan dalam mematahkan segala muslihat dan tipu daya rejim zionis *laknatullahi ‘alaih*.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Pada hakikatnya, undang-undang Syariah merupakan sebahagian undang-undang yang diturunkan bertujuan mengatur dan mengawal kehidupan manusia sesuai dengan fitrah manusia itu sendiri. Para ulama bersepakat bahawa undang-undang Islam adalah paling lengkap dengan keperluan dan kehendak manusia serta relevan dilaksanakan pada mana-mana zaman dan tempat. Keyakinan ini juga berkait rapat dengan akidah dan keyakinan kita terhadap ajaran Islam yang benar dan *syumul*.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Maaidah ayat 49 yang dibacakan pada awal khutbah tadi bermaksud:

*“Dan hendaklah engkau menjalankan hukum antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, hanyasanya Allah mahu menyiksa mereka dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka; dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasiq”*.

Undang-undang Syariah juga tidak hanya berkisar tentang hukuman bagi orang yang melakukan kesalahan, bahkan ia merangkumi kemuliaan akhlak dan pengajaran yang penuh hikmah kepada umat manusia seluruhnya. Ia mendidik manusia menjadi yang

terbaik dan lebih berdisiplin dalam menguruskan kehidupan. Itulah tujuan sebenar diutusnya Baginda Rasulullah SAW. Sebuah hadis sahih daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak*”. (Hadis riwayat Imam Ahmad)

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI SEKALIAN,**

Perundangan Islam sangat mengutamakan keadilan dan menghapuskan kezaliman tanpa mengira pangkat dan darjat. Ia merangkumi kebaikan buat semua pihak sama ada peringkat individu, keluarga, bahkan kepentingan masyarakat dan negara juga turut dipelihara dalam keadilannya. Inilah garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam Surah al-Nisaa’ ayat 105:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَاكَ اللَّهُ وَلَا تَكُنْ لِلْخَائِنِينَ

خَصِيمًا ١٠٥

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyu-Nya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat*”.

Dalam konteks negara kita, kewujudan dan pelaksanaan undang-undang Islam telah bermula sejak zaman Kerajaan Kesultanan Melayu manakala Penubuhan Mahkamah Syariah selepas kemerdekaan pula berasaskan kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mentadbir undang-undang Islam di negeri masing-masing.<sup>1</sup> Berdasarkan punca kuasa tersebut, Negeri-Negeri telah pun mengadakan peruntukan termasuklah mengenai penubuhan, keanggotaan, susunan dan tatacara Mahkamah Syariah di bawah Akta/Enakmen Negeri-Negeri.

<sup>1</sup> Syaikh Shahmi Awang, *Peranan Mahkamah Syariah di Malaysia: Antara Keberkesanan Undang-Undangannya dan Keperluan Masyarakat Islam*.

Perlembagaan Persekutuan juga mengiktiraf dan menghormati kedudukan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah di negara ini. Pada tahun 1988 Fasal (1A) Perkara 121 telah digubal dan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini bertujuan untuk menetapkan bidang kuasa yang jelas antara mahkamah sivil dengan Mahkamah Syariah dan melalui pindaan ini ia telah meningkatkan lagi kedudukan dan kewibawaan Mahkamah Syariah di negara ini. Menurut peruntukan Fasal (1A) Perkara 121 itu, mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Memandangkan Persekutuan dan Negeri masing-masing mempunyai bidang kuasa untuk mengadakan undang-undang jenayah, adakalanya akan timbul isu pertindanan kesalahan antara kesalahan yang terdapat dalam Akta / Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah dengan kesalahan yang terdapat dalam Kanun Keseksaan [Akta 574] atau undang-undang persekutuan yang lain.

Sehubungan itu, Kerajaan menyambut baik cadangan penubuhan suatu Jawatankuasa Khas sebagaimana titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang bertindak selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI), semasa Mesyuarat MKI pada 28 Ogos 2023 bagi menangani apa-apa isu yang berbangkit daripada pertindanan antara bidang kuasa Dewan Undangan Negeri dan Parlimen mengenai undang-undang Islam dan undang-undang persekutuan. Justeru, marilah kita mendoakan agar Jawatankuasa Khas yang dibentuk tersebut akan dapat berperanan dengan berkesan dan berhikmah ke arah mencapai matlamat memastikan pemeraksanaan sistem perundangan dan kehakiman Syariah di negara kita dan seterusnya dapat menjalankan fungsinya menegakkan hukum dengan adil dalam masyarakat.

Ini merupakan salah satu usaha dan komitmen Kerajaan untuk menyelesaikan isu konflik bidang kuasa antara Persekutuan dengan Negeri dan antara mahkamah sivil dengan Mahkamah Syariah demi memartabatkan dan memperkasa perundangan Syariah dan sistem kehakiman Syariah di negara ini dan mencari satu jalan penyelesaian yang terbaik dan harmoni. Justeru, masyarakat seharusnya menyokong dan menghormati usaha ini dalam memastikan Mahkamah Syariah dapat terus diperkasakan di negara ini dan seterusnya menegakkan hukum dan keadilan berdasarkan perintah Allah SWT.

## SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menekankan beberapa perkara:

**Pertama:** Undang-undang Islam amat menekankan tentang keadilan dan menghapus kezaliman tanpa mengira pangkat dan darjat.

**Kedua:** Penubuhan Mahkamah Syariah berasaskan kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mentadbir undang-undang Islam di negeri masing-masing.

**Ketiga:** Masyarakat Islam juga seharusnya menaruh kepercayaan yang tinggi terhadap kredibiliti dan martabat Mahkamah Syariah yang telah wujud sekian lama yang kini semakin berkembang seiring dengan perkembangan sistem perundangan yang diiktiraf.

**Keempat:** Masyarakat juga seharusnya memberi ruang dan sepenuh keyakinan kepada Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi mencari penyelesaian yang terbaik buat umat Islam dan negara seluruhnya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 36:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ

يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ۝۳۶

**Maksudnya:** "Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Mengambil kesempatan sempena **ulang tahun ke-50 penubuhan Wilayah Persekutuan** bertemakan **Wilayah Madani, Rakyat Harmoni**, khatib menyeru seluruh warga Wilayah untuk sama-sama bertekad menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah bandar yang penuh dengan nilai perpaduan, keharmonian dan mempunyai pembangunan yang seimbang termasuk dari sudut jasmani dan spiritual. Setiap pihak berkomitmen tinggi memastikan kemajuan pembangunan dan perkembangan sosio-ekonomi yang hasilnya akan membolehkan seluruh rakyat menikmati kehidupan yang sejahtera, harmoni dan diberkati Allah SWT.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas kekasih kita, Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيِّدْ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَهٖ مَلِكُنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا  
 مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا يَغْ د-قُرْتَوَانِ اِكُوغْ سُلْطَانِ اِبْرَاهِيمِ.  
 وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا رَاغْ قُرْمَايسُورِي اِكُوغْ، رَاغْ  
 زَارِيثْ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْزِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ  
 بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتِّتْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،  
 اللَّهُمَّ احْصِهِمْ عِدْدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدْدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ  
 عَاوَنَهُمْ، بِأَسْكَ الَّذِي لَا يُرَدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ،  
 تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِنْ سِجِّيلٍ، فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.  
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ  
 جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا  
 جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، يَا مُجْرِي السَّحَابِ، يَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ،  
 إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ! إِهْزِمْهُمْ! وَانصُرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
 وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بِلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكْرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.